

Perdana Menteri tinjau suasana bazar Ramadan Presint 3

Putrajaya: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meninjau ke bazar Ramadan Presint 3, di sini, semalam.

Beliau tiba jam 5 petang dan keluar kira-kira 30 minit kemudian.

Perdana Menteri meninjau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di bazar ber-

kenaan dan turut membeli juadah berbuka puasa seperti laksa dan kasui.

Muhyiddin turut berbual-bual dengan pengunjung bazar.

Terdapat sejumlah 160 gerai di bazar berkenaan yang diselenggarakan Perbadanan Putrajaya (PPj).



Muhyiddin turut beramah mesra dengan pengunjung bazar Ramadan Presint 3, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)